

Kes salah laku DBKL: Tiada elemen jenayah

KUALA LUMPUR

- Tiada elemen jenayah dikesan berlaku berhubung dakwaan salah laku seorang Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang dikaitkan dengan pemberian projek bernilai RM4 juta.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, dapatan itu ialah hasil semakan pihaknya terhadap dokumen dibekalkan DBKL pada 7 Februari lalu berhubung pelaksanaan projek penerbitan kandungan dan siaran studio serta konti radio DBKL.

“Bagaimanapun, semakan SPRM mendapati terdapat beberapa kelemahan dari segi tata kelola pada garis panduan DBKL dan perlu diperkemas.

“Oleh demikian, Bahagian Penyiasatan Tatakelola (PBT) SPRM



“

SPRM sudah mendapat akses kepada dokumen diperolehi hasil siasatan dalaman dijalankan pihak DBKL.”

- Azam

sedang meneliti amalan dan beberapa prosedur DBKL berkenaan proses perolehan dan pembayaran kepada pihak tertentu mengikut garis panduan dan peraturan sedia ada,” katanya pada Isnin.

Pada 6 Februari lalu, SPRM dilaporkan sedang meneliti dokumen berkaitan dakwaan salah laku seorang Ahli Lembaga Penasihat DBKL yang dikaitkan dengan pemberian projek bernilai RM4 juta.

Azam berkata, SPRM sudah mendapatkan akses kepada dokumen diperolehi hasil siasatan dalaman dijalankan pihak DBKL untuk diteliti. -Bernama